

16/09/1997

Harakah didakwa boleh kelirukan masyarakat

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemuda Umno Kelantan manganggap akhbar Harakah boleh mengelirukan minda masyarakat malalui maklumat salah yang disiarkan dalam akhbar itu khususnya jika terus dijual di pasaran terbuka.

Sehubungan itu, Pemuda akan bekerjasama dengan polis atau Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi memastikan Harakah tidak dijual di pasaran terbuka.

Ketuanya, Zaiyadi Awang Noh, berkata pengharaman penjualan di pasaran terbuka terutama di Kelantan adalah selaras dengan kehendak semua ahli Umno, khususnya Pemuda.

Beliau berkata, polis perlu mengambil tindakan tegas dan berterusan terhadap penjual dan pembekal akhbar tabloid itu bagi memastikan ia tidak dijual kepada khalayak ramai.

"Polis sepatutnya sudah jelas dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mereka perlu mengambil tindakan segera serta berterusan tanpa menunggu atau melengahkan arahan itu.

"Pemuda Kelantan akan memberi maklumat kepada polis jika masih ada pembekal atau kedai yang menjual akhbar berkenaan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Semalam, Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner I, Datuk Zakaria Mohamed, berkata tindakan terhadap penjual dan pembekal Harakah akan diambil sebaik saja Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan (IPPK) menerima arahan daripada pihak atasan.

Dr Mahathir ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno minggu lalu, mengeluarkan arahan supaya akhbar milik parti termasuk Harakah dan Rocket tidak dibenar dijual secara terbuka.

Bagaimanapun, laporan sebelum ini menyebut KDN mengharamkan penjualan akhbar itu berkuatkuasa hari ini.

Kedua-dua akhbar itu tidak mempunyai permit daripada KDN.

Dr Mahathir berkata, kerajaan selama ini tidak pernah mengambil sebarang tindakan walaupun akhbar itu milik parti atau kelab yang dijual secara terbuka.

Zaiyadi berkata, tindakan tegas dan berterusan perlu diambil kerana kemungkinan penjual dan pengedar terus menjualnya jika kerajaan tidak mengambil tindakan tegas.

(END)